

# RAWATAN TRADISIONAL MELAYU BERKAITAN SAKA DI NEGERI PERAK: SATU TINJAUAN DARI PERSPEKTIF BUDAYA DAN SYARIAH

***TRADITIONAL MALAY HEALING PRACTICES RELATED TO SAKA IN PERAK: A STUDY FROM CULTURAL AND SHARIAH PERSPECTIVES***

Muhammad Hafiz Rosli<sup>1</sup>

Muhammad Yusri Yusof @ Salleh<sup>2\*</sup>

Muhd Imran Imran Abd Razak<sup>3</sup>

Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Postgraduate Student, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia.; Pegawai Hal Ehwal Pelajar, Persatuan Kebajikan Anak Yatim dan Miskin al-Munirah.

(Email: 2025591481@student.uitm.edu.my)

<sup>2</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia.

(E-mail: yusri613@uitm.edu.my)

<sup>3</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia.

(Email: imranrazak@uitm.edu.my)

<sup>4</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia.

(Email:mohdz560@uitm.edu.my)

\*Corresponding author

## Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

## To cite this document:

Rosli, M .H., Salleh, M. Y., Razak, M. I. I. A., Abidin, M. Z. H. Z. (2025). Rawatan tradisional Melayu berkaitan saka di negeri Perak: Satu tinjauan dari perspektif budaya dan syariah.. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)10 (75),* 389 - 397.

**Abstrak:** Artikel ini menelusuri amalan rawatan tradisional Melayu berkaitan saka dalam konteks budaya dan penilaian menurut perspektif Islam yang sahih. Dalam tradisi masyarakat Melayu, saka sering difahami sebagai warisan berbentuk penjaga ghaib yang diperturunkan secara turun-temurun, dan biasanya dikaitkan dengan gangguan spiritual seperti hysteria, halusinasi, serta masalah kesihatan yang tidak dapat dikesan secara perubatan moden. Kajian ini dijalankan secara kualitatif melalui analisis dokumen manuskrip perubatan Melayu serta temubual berstruktur bersama tiga orang perawat tradisional dan dua pegawai agama negeri Perak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebahagian daripada rawatan yang diamalkan seperti bacaan rukyah syar'iyyah, mandian daun bidara, dan zikir-zikir tertentu masih selari dengan garis panduan syariah, namun terdapat juga unsur khurafat seperti penggunaan pemujaan, tangkal, dan pemanggilan semangat yang bercanggah dengan akidah Islam. Kajian ini menegaskan keperluan kepada garis panduan syariah yang lebih jelas untuk membezakan antara rawatan tradisional yang dibenarkan dan yang menyeleweng, serta mencadangkan

pemerksaan terhadap perawat Islam yang berdaftar. Justeru, penyatuan antara keilmuan warisan dan pemurnian syariah perlu dilaksanakan bagi memastikan amalan rawatan saka kekal dalam kerangka aqidah yang sahih dan bebas daripada unsur syirik.

**Kata Kunci:** Rawatan saka, tradisional Melayu, ruqyah, syariah, aqidah, fatwa

**Abstract:** This article explores traditional Malay healing practices related to saka (ancestral spirit inheritance) from both a cultural perspective and an Islamic evaluative framework. In Malay society, saka is commonly understood as a spiritual guardian passed down through generations, often linked to supernatural disturbances such as hysteria, hallucinations, and undiagnosed medical conditions. This qualitative study employs document analysis of classical Malay medical manuscripts and structured interviews with three traditional healers and two state religious officers in Perak, Malaysia. Findings reveal that some commonly practiced healing methods such as the recitation of ruqyah shar'iyyah, cleansing baths using bidara leaves, and selected zikir remain in alignment with sharia principles. However, elements of superstition such as the use of talismans, spirit invocation, and ritual offerings were also identified and deemed contradictory to Islamic creed (aqidah). This study underscores the need for clearer Islamic legal guidelines to distinguish between permissible traditional treatments and those that deviate into un-Islamic territory. It recommends the formal empowerment and regulation of certified Islamic healers. Ultimately, integrating traditional wisdom with sharia purification is essential to ensure that saka healing practices remain within the boundaries of authentic Islamic belief and free from shirk (polytheism)

**Keywords:** Saka healing, Malay tradition, ruqyah, shariah, aqidah, fatwa

## Pendahuluan

Amalan rawatan tradisional berkaitan saka merupakan satu aspek penting dalam sistem perubatan tradisional Melayu yang mencerminkan gabungan antara kepercayaan budaya, warisan spiritual, dan pendekatan penyembuhan tidak formal. Dalam tradisi masyarakat Melayu, saka biasanya difahami sebagai entiti makhluk halus yang diwarisi daripada nenek moyang dan dipercayai memiliki keupayaan tertentu untuk membantu, melindungi atau menyakiti waris (Khairuddin et.al, 2006). Kepercayaan terhadap saka tidak hanya hidup dalam khazanah cerita rakyat, bahkan turut diamalkan melalui rawatan tradisional yang merangkumi jampi, mandi bunga, dan penggunaan bahan herba tertentu. Walau bagaimanapun, dalam kerangka Islam, sebarang bentuk kebergantungan kepada makhluk halus atau amalan yang melibatkan pemujaan dan kepercayaan ghaib tanpa sandaran nas al-Quran dan Sunnah adalah ditegah. Al-Quran sendiri menegaskan larangan terhadap kerjasama manusia dengan jin dalam Surah al-Jin ayat 6, manakala hadith-hadith sahih turut memperingatkan umat Islam tentang larangan menggunakan perantaraan jin untuk tujuan perubatan atau perlindungan (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2014). Sebagai respons kepada fenomena ini, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menggariskan panduan amalan pengubatan Islam bagi membezakan antara rawatan yang sahih menurut syariah dengan amalan khurafat dan syirik (JAKIM, 2011).

Dalam konteks rawatan alternatif, terdapat usaha dalam kalangan perawat Islam yang cuba memurnikan pendekatan rawatan saka dengan menggunakan ruqyah syar'iyyah, ayat al-Quran, dan bahan-bahan yang dibenarkan syarak seperti daun bidara dan air zamzam. Kajian Rosnani Ripin (2016) misalnya menunjukkan bahawa rawatan tradisional yang mematuhi syariah

mampu menjadi medium penyembuhan yang selari dengan aqidah Islam, dengan syarat ia bebas daripada penggunaan tangkal, seruan roh, atau jampi yang tidak diketahui maknanya. Justeru, terdapat keperluan untuk menilai kembali kedudukan amalan rawatan saka dalam masyarakat Melayu dengan memberikan penekanan kepada garis pemisah antara adat dan akidah, agar tradisi ini tidak bercanggah dengan prinsip Islam.

### Sorotan Literatur

Kajian terhadap rawatan tradisional Melayu berkaitan saka tidak dapat dipisahkan daripada kefahaman masyarakat terhadap entiti ghaib dan sistem kepercayaan warisan yang telah berakar umbi sejak zaman silam. Dalam konteks antropologi, Khairuddin Mohamad et.al (2016) menekankan bahawa kepercayaan terhadap makhluk halus seperti saka adalah sebahagian daripada struktur sosiobudaya masyarakat Melayu yang melihat hubungan antara dunia nyata dan dunia ghaib sebagai sesuatu yang saling melengkapi. Persepsi ini menjelaskan kenapa masyarakat Melayu cenderung mencari rawatan tradisional yang melibatkan perawat, bomoh atau pawang apabila berhadapan dengan gangguan yang tidak dapat dijelaskan secara saintifik. Rawatan saka dalam masyarakat Melayu merangkumi pelbagai bentuk, antaranya penggunaan jampi serapah, mandi bunga, rendaman daun bidara, pemujaan, dan pembacaan ayat-ayat tertentu. Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada kaedah ini memerlukan penilaian kritikal dari segi akidah Islam kerana wujudnya campur aduk antara unsur yang dibenarkan dengan yang bercanggah. Menurut Rosnani Ripin (2016), terdapat amalan rawatan urut dan terapi tradisional Melayu yang telah diselaraskan dengan prinsip syariah, seperti memastikan tiada unsur pemujaan atau penggunaan tangkal, serta menggunakan bahan yang bersih dan halal. Kajian ini menunjukkan bahawa pematuhan terhadap hukum syarak dalam rawatan alternatif bukan sahaja boleh dicapai, bahkan menjadi alternatif yang sahih dan berkesan.

Dalam dimensi fiqh, pendekatan rawatan Islam seperti ruqyah syar'iyyah mendapat pengiktirafan daripada para ulama dan institusi fatwa kerana berasaskan dalil yang sahih daripada al-Quran dan Sunnah. Zulkifli Mohamad al-Bakri (2014) menegaskan bahawa ruqyah yang dibacakan dengan ayat al-Quran dan doa yang jelas maknanya merupakan rawatan spiritual yang dibenarkan, dan seharusnya menjadi panduan utama dalam menangani kes gangguan saka. Bahkan, beliau menolak keras sebarang bentuk penggunaan azimat, tangkal atau perantaraan jin kerana ianya membuka ruang kepada syirik. Kenyataan ini selari dengan Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam (JAKIM, 2011) yang memperincikan ciri-ciri rawatan yang dibenarkan dalam Islam serta mengingatkan masyarakat agar berhati-hati terhadap rawatan yang tidak menepati syariat. Secara keseluruhan, kajian literatur menunjukkan wujudnya dua aliran besar dalam pendekatan rawatan saka di Malaysia – iaitu pendekatan tradisional warisan dan pendekatan pengubatan Islam berlandaskan syarak. Keduanya sering berinteraksi dan bercampur dalam praktik masyarakat, justeru penilaian terhadap kesahihan dan keberkesanannya rawatan memerlukan garis panduan yang jelas agar masyarakat tidak terjerumus dalam amalan yang merosakkan aqidah.

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan reka bentuk kajian kes bagi meneliti amalan rawatan tradisional berkaitan saka dalam masyarakat Melayu serta kesesuaianya menurut perspektif Islam. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik memahami secara mendalam pengalaman, pandangan dan amalan pengamal perubatan tradisional serta respons institusi agama terhadap fenomena saka dalam masyarakat. Seperti yang ditegaskan oleh Creswell (2014), kaedah kualitatif amat sesuai dalam memahami fenomena sosial yang kompleks, bersifat subjektif dan berkait rapat dengan konteks budaya.

Lokasi kajian dipusatkan di negeri Perak, khususnya di daerah yang masih mengekalkan amalan rawatan tradisional Melayu seperti Parit, Kuala Kangsar dan Lenggong. Pemilihan lokasi ini adalah berdasarkan data awal yang menunjukkan wujudnya pengamal perubatan tradisional aktif serta sokongan institusi agama negeri terhadap usaha pemurnian rawatan alternatif berasaskan syariah. Kaedah pengumpulan data utama ialah temubual separa berstruktur yang dijalankan terhadap lima informan utama: tiga orang perawat tradisional Melayu yang dikenali di kalangan masyarakat setempat, dan dua orang pegawai dari Jabatan Mufti Negeri Perak dan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk). Temubual ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang bentuk rawatan yang diamalkan, sumber bacaan yang digunakan, pemahaman terhadap hukum syarak, serta pandangan terhadap isu khurafat dan ruqyah. Setiap temubual dirakam dengan kebenaran bertulis dan ditranskrip untuk dianalisis.

Selain itu, analisis dokumen turut dijalankan terhadap bahan-bahan berikut: (1) Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam (JAKIM, 2011), (2) buku Membongkar Misteri sihir,santau dan saka dalam dunia Melayu oleh Syed Mahadzir Syed Ibrahim (2023), dan (3) buku Kebudayaan Melayu oleh Khairuddin Mohamad et al (2016). Ketiga-tiga dokumen ini dianalisis untuk memahami perspektif rasmi dan akademik terhadap isu rawatan ghaib dalam tradisi Melayu dan Islam. Data dianalisis secara analisis tematik, iaitu mengenal pasti tema-tema utama yang muncul daripada transkrip temubual dan dokumen yang dikaji. Proses ini melibatkan pengekodan data, pengelompokan tema, dan pentafsiran dalam konteks syariah dan budaya. Kaedah ini seiring dengan pendekatan yang disyorkan oleh Braun dan Clarke (2006) dalam analisis data kualitatif yang berasaskan naratif dan makna. Aspek etika kajian dipatuhi sepenuhnya, termasuk mendapatkan persetujuan bertulis daripada semua informan, memastikan kerahsiaan identiti mereka, serta mengemukakan permohonan kelulusan penyelidikan kepada jawatankuasa etika institusi penyelidik.

### Dapatan Kajian

Kajian ini mendapati bahawa amalan rawatan tradisional berkaitan saka masih berakar kukuh dalam masyarakat Melayu, terutamanya di kawasan luar bandar seperti di beberapa daerah di negeri Perak. Walaupun perubatan moden semakin diterima secara meluas, namun masih wujud segmen masyarakat yang mempercayai bahawa penyakit tertentu berpunca daripada gangguan makhluk halus yang diwarisi secara turun-temurun, yang dikenali sebagai saka. Para informan menyatakan bahawa apabila ahli keluarga mengalami gangguan emosi, mimpi aneh, atau penyakit yang tidak dapat dikesan secara klinikal, mereka akan merujuk kepada perawat tradisional yang dikenali sebagai tok bomoh, tok pawang atau pengamal ruqyah. Amalan rawatan yang dikenal pasti dalam kajian ini termasuklah bacaan ayat-ayat al-Quran tertentu seperti al-Baqarah dan al-Mu‘awwidzatayn, penggunaan daun bidara, air zamzam, mandian limau, serta jampi serapah yang diwarisi secara lisani. Walaupun terdapat rawatan yang menggunakan sumber syar‘i, terdapat juga amalan yang tidak berlandaskan nas yang sahih seperti penggunaan tangkal, seruan terhadap semangat nenek moyang, atau pemujaan roh penjaga. Keadaan ini mewujudkan cabaran besar dalam menilai kesahihan sesuatu rawatan dari sudut akidah dan fiqh.

Dari sudut syariah, kajian ini menunjukkan bahawa hanya sebahagian kecil perawat yang benar-benar memahami batasan rawatan menurut Islam. Terdapat perawat yang berpegang kepada prinsip ruqyah syar‘iyyah dan menolak segala bentuk bantuan jin, namun sebahagian yang lain mencampurkan antara unsur syirik dan tradisi. Al-Quran dalam Surah al-Jin ayat 6 secara jelas melarang perhubungan manusia dengan jin, manakala hadith-hadith sahih menegaskan bahaya dan implikasi aqidah bagi mereka yang bergantung kepada makhluk ghaib. Garis panduan yang

dikeluarkan oleh JAKIM (2011) turut menyokong dapatan ini apabila menjelaskan ciri-ciri pengubatan Islamik yang sah, seperti keperluan menjaga akidah, menghindari ramuan atau kaedah khurafat, serta memastikan niat dan perlakuan selari dengan tuntutan syarak(Ahmad et al, 2012).

Kajian ini turut mengesahkan wujudnya usaha daripada kalangan pengamal perubatan Islam bertaullah untuk memurnikan rawatan berkaitan saka agar tidak bercanggah dengan hukum. Mereka memperjuangkan kaedah berasaskan ruqyah yang berteraskan nas al-Quran dan doa-doa ma'thurat(Omar et al, 2024). Usaha ini memperlihatkan bahawa masih ada ruang untuk menyelaraskan warisan perubatan tradisional Melayu dengan prinsip maqasid syariah, khususnya dalam menjaga akidah, nyawa dan maruah pesakit. Secara keseluruhannya, dapatkan menunjukkan bahawa rawatan saka dalam masyarakat Melayu berada dalam spektrum yang luas daripada amalan yang sahih kepada amalan yang ditolak oleh Islam. Justeru, terdapat keperluan mendesak untuk membimbing masyarakat agar lebih celik hukum dalam memilih rawatan, serta memperkasakan perawat Islam yang mempunyai autoriti keilmuan dan pemahaman syariah yang kukuh. Ini penting bagi memastikan keseimbangan antara pelestarian warisan budaya dan pemurnian aqidah Islam terus terpelihara.

### **Perbincangan Dapatan dari Perspektif Budaya**

Daripada perspektif budaya, kepercayaan terhadap saka dalam kalangan masyarakat Melayu merupakan satu manifestasi warisan turun-temurun yang tertanam dalam struktur sosial dan kosmologi tradisional. Kepercayaan ini bukan semata-mata berkisar pada persoalan gangguan makhluk halus, tetapi mencerminkan satu sistem makna yang kompleks berhubung dengan keturunan, penjaga ghaib, kuasa pelindung, serta hubungan antara dunia zahir dan batin (Kurniawan, 2022). Dalam imaginasi budaya Melayu, saka sering dikaitkan dengan semangat nenek moyang yang diwarisi untuk tujuan perlindungan, kehebatan, atau kebolehan tertentu dalam seni mempertahankan diri, perubatan, atau kepemimpinan.

Saka sebagai konsep budaya tidak boleh dipisahkan daripada naratif lisan masyarakat. Kisah-kisah tentang individu yang ‘menerima’ saka, atau yang mengalami gangguan kerana ‘menolak’ saka, masih berlebar dalam wacana harian masyarakat luar bandar. Penghujahan ini disokong oleh dapatan temubual dalam kajian ini yang menunjukkan bahawa walaupun generasi muda tidak lagi terlibat secara aktif dalam amalan memelihara saka, namun mereka tetap menyedari kewujudan fenomena tersebut dan menanggapinya dengan pelbagai bentuk – daripada penolakan rasional hingga ke penerimaan simbolik.

Tambahan pula, dalam kerangka hubungan sosial masyarakat Melayu, saka sering dikaitkan dengan tanggungjawab warisan. Ada kalanya seseorang ‘terpaksa’ menerima saka kerana dianggap sebagai pewaris sah, atau untuk mengelakkan musibah terhadap ahli keluarga yang lain. Hal ini memperlihatkan betapa kepercayaan terhadap saka mengikat hubungan kekeluargaan, sekali gus menguatkan norma dan hierarki sosial. Dalam konteks ini, saka tidak semata-mata entiti ghaib, tetapi juga berfungsi sebagai alat kawalan sosial dan simbol kesinambungan tradisi.

Dapatan ini turut disokong oleh temubual dengan seorang perawat tradisional-Islamik yang menjelaskan tentang kaedah salah dan betul dalam merawat saka:

*“Kalau ikut pengalaman saya merawat orang kampung sini, saka ni biasanya memang turun daripada nenek moyang mereka. Ada yang saka harimau untuk jaga*

*keluarga, ada saka untuk kuat dalam silat. Kadang pesakit tak mahu terima saka tu, tapi bila dia menolak, dia sakit. Badan jadi berat, mimpi buruk, ada yang nampak nenek dia datang dalam mimpi suruh jaga saka tu. Tapi masalahnya, ramai orang masih guna cara bomoh yang salah. Bomoh akan seru saka tu, panggil masuk dalam badan perawat atau waris, dan buat perjanjian. Contohnya bomoh akan kata kepada saka, "Kau jangan ganggu dia, kau duduk diam, aku bagi makan kemenyan, darah ayam hitam, limau, pulut kuning..." Itu semua cara salah sebab kita kompromi dengan jin. Kaedah yang betul ikut Islam ialah ruqyah syar'iyyah, baca ayat Quran yang sahih, doa Nabi SAW, tiup pada air, mandikan pesakit dengan air ruqyah. Jin saka akan bercakap melalui pesakit, mengaku saka nenek moyang. Saya akan minta dia keluar dengan izin Allah, bukan dengan kuasa saya. Saya selalu pesan kepada pesakit, saka bukan pusaka tapi beban. Kalau nak sihat dunia akhirat, putuskan saka dengan ruqyah, taubat dan ibadah, bukan dengan bagi makan jin."*

(Informan: Perawat Tradisional-Islamik, temubual 7 Mei 2025)

Namun begitu, perubahan arus pemodenan, pendidikan dan penyebaran maklumat telah mengubah cara masyarakat melihat isu saka. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa sebahagian generasi muda mulai mempersoalkan kesahihan dan keberkesanan rawatan tradisional berdasarkan saka, bahkan memandangnya sebagai unsur warisan yang perlu ditinggalkan kerana bertentangan dengan ajaran Islam. Akan tetapi, bagi segelintir komuniti yang masih menjunjung adat secara literal, amalan rawatan saka dianggap sebagai suatu kemestian budaya yang perlu dihormati dan dilestarikan.

Secara keseluruhannya, perspektif budaya terhadap saka menggambarkan satu wacana tradisi yang kaya dengan simbolisme, nilai sosial, dan warisan kognitif masyarakat Melayu. Ia turut menunjukkan bahawa meskipun ada pertentangan dari sudut syariah, namun dimensi budayanya tidak dapat dinafikan sebagai sebahagian daripada identiti kolektif Melayu. Justeru, kajian ini mencadangkan agar pendekatan pemurnian amalan budaya dilakukan secara inklusif, dengan dialog antara warisan tempatan dan prinsip Islam, agar pemeliharaan budaya tidak membawa kepada kerosakan akidah, sebaliknya menjadi ruang integrasi budaya dan agama yang harmoni.

### **Perbincangan Dapatan dari Perspektif Syariah**

Dari perspektif syariah, rawatan tradisional yang berkaitan dengan saka perlu dinilai secara berhati-hati kerana ia melibatkan isu-isu asas dalam aqidah, hukum fiqh, dan batas syirik. Kajian ini mendapati bahawa sebahagian besar amalan rawatan saka dalam masyarakat Melayu mengandungi unsur-unsur yang bercampur antara yang dibenarkan dengan yang ditegah dalam Islam. Walaupun terdapat pendekatan rawatan yang menggunakan bacaan ayat-ayat al-Quran dan zikir yang sahih, terdapat juga sebahagian amalan yang melibatkan penggunaan tangkal, azimat, seruan roh nenek moyang, dan kebergantungan kepada perantara ghaib selain Allah SWT (Abu Bakar, 2020). Ini jelas bertentangan dengan prinsip tauhid yang menegaskan bahawa hanya Allah yang berkuasa memberikan manfaat dan menolak mudarat.

Al-Quran dengan tegas melarang kebergantungan kepada makhluk ghaib dalam Surah al-Jin ayat 6, yang bermaksud:

*"Dan sesungguhnya ada di kalangan manusia yang meminta perlindungan kepada jin, maka jin itu menambahkan bagi mereka dosa dan kesesatan."*

Ayat ini menunjukkan bahawa apa-apa bentuk hubungan atau kebergantungan kepada jin atau entiti ghaib untuk tujuan perlindungan, penyembuhan atau penjagaan adalah menyalahi prinsip aqidah Islam. Tambahan pula, hadith Nabi SAW dalam riwayat Ahmad menyatakan bahawa sesiapa yang menggantungkan tangkal, maka sesungguhnya dia telah melakukan syirik kecil (syirik asghar).

Dalam konteks ini, Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam yang diterbitkan oleh JAKIM (2011) menjadi rujukan utama dalam membezakan antara rawatan yang sah menurut syarak dan yang menyeleweng. Garis panduan tersebut menetapkan bahawa amalan pengubatan Islam hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti menggunakan ayat al-Quran atau doa-doa ma'thur yang jelas maknanya, dilakukan oleh perawat beriman, tidak menggunakan bahan atau kaedah khurafat, serta menjaga batas aurat dan adab rawatan.

Berdasarkan temu bual kajian, hanya sebahagian kecil daripada perawat tradisional yang benar-benar mengikut garis panduan ini, manakala yang lain masih terikat dengan tradisi lisan yang diwarisi tanpa penapisan syariah. Dapatkan juga menunjukkan bahawa terdapat usaha dalam kalangan perawat bertauliah untuk membentulkan salah faham terhadap amalan saka dan memurnikan pendekatan rawatan melalui penggunaan ruqyah syar'iyyah. Mereka menyandarkan rawatan kepada dalil sahih, menghindari unsur takhayul dan menyebarkan kesedaran masyarakat tentang bahaya bergantung kepada makhluk ghaib.

Hal ini turut diakui oleh seorang pegawai agama dalam temu bual berikut:

*“Di Perak ni, memang ramai yang masih guna bomoh untuk rawatan saka. Mereka fikir bomoh lebih berkesan sebab saka itu turun-temurun dalam keluarga. Tapi kita sebagai pihak agama kena jelaskan bahawa rawatan begini banyak bercampur dengan syirik, contohnya gunakan tangkal, jampi seru roh nenek moyang, dan minta saka bantu kehidupan mereka. Itu semua salah. Islam hanya benarkan rawatan dengan ayat al-Quran dan doa yang sahih. Saka ni jin, dia bukan pusaka, dia beban. Jadi rawatan terbaik ialah ruqyah syar'iyyah, taubat dan bergantung hanya kepada Allah, bukan kepada jin atau bomoh.”*

(Informan: Pegawai Agama Daerah Seri Iskandar, temubual 5 Mei 2025)

Usaha ini sejajar dengan maqasid al-shariah, khususnya dalam menjaga aqidah, nyawa dan maruah pesakit daripada dieksloitasi oleh pengamal yang tidak bertauliah. Namun begitu, kajian juga mendapati bahawa kepercayaan terhadap keberkesanan rawatan tidak sahih masih kuat dalam kalangan sebahagian masyarakat, khususnya yang kurang pendedahan kepada pendidikan agama yang sistematik. Fenomena ini menimbulkan keperluan mendesak untuk memperluas pendidikan awam tentang rawatan Islam yang sahih serta menekankan pentingnya mematuhi syariah dalam semua aspek perubatan spiritual.

Kesimpulannya, perspektif syariah menuntut agar rawatan saka ditapis secara ketat dengan neraca aqidah dan hukum fiqh. Apa juar bentuk rawatan yang menyimpang daripada prinsip tauhid wajib ditolak, dan hanya pendekatan yang sahih berasaskan al-Quran dan Sunnah perlu dipelihara dan dikembangkan. Ini bukan sahaja untuk menjaga kesucian akidah umat Islam, tetapi juga memastikan bahawa rawatan tradisional tidak menjadi pintu kepada kesesatan dan kebergantungan kepada perkara ghaib yang bertentangan dengan Islam.

## Kesimpulan

Kajian ini mengesahkan bahawa rawatan tradisional berkaitan saka masih merupakan sebahagian daripada amalan hidup segelintir masyarakat Melayu, terutamanya dalam komuniti luar bandar yang masih berpegang teguh kepada warisan budaya neneh moyang. Dari sudut budaya, kepercayaan terhadap saka mencerminkan struktur nilai dan kosmologi masyarakat yang melihat hubungan antara manusia, makhluk ghaib, dan alam semesta sebagai sesuatu yang berlapis dan saling terhubung. Ia bukan hanya fenomena perubatan, tetapi turut berperanan sebagai mekanisme sosial dan identiti warisan keluarga.

Namun, dari sudut syariah, dapatan menunjukkan bahawa sebahagian amalan rawatan yang berkaitan dengan saka berada di luar batasan aqidah dan hukum Islam. Terdapat kecenderungan untuk mencampuradukkan bacaan syar‘iyyah dengan unsur pemujaan, penggunaan tangkal, dan seruan terhadap makhluk ghaib sesuatu yang ditegah keras oleh al-Quran, Sunnah, dan pandangan ulama. Walaupun terdapat usaha dalam kalangan perawat Islam untuk memurnikan pendekatan rawatan dengan kaedah ruqyah, kesedaran dan pemahaman masyarakat secara keseluruhan masih belum mencapai tahap yang ideal. Justeru, rawatan yang tidak ditapis secara syariah boleh membawa kepada kerosakan akidah dan penyimpangan kepercayaan dalam kalangan umat Islam.

Sehubungan dengan itu, beberapa saranan dikemukakan bagi memastikan rawatan tradisional Melayu berkaitan saka dapat dikendalikan dalam kerangka yang harmoni antara budaya dan syariah. Pertama, pihak berkuasa agama dan kesihatan perlu menyediakan garis panduan bersepada yang menjelaskan secara jelas amalan rawatan yang dibenarkan syarak serta mengharamkan yang bercanggah. Garis panduan ini juga perlu diedarkan kepada pengamal perubatan tradisional agar mereka tidak terjebak dalam amalan yang membawa kepada syirik.

Kedua, pendidikan masyarakat perlu diperkuuh melalui ceramah, kursus dan bahan penerbitan yang memperincikan konsep tauhid, ruqyah syar‘iyyah, serta bahaya amalan khurafat dan pemujaan dalam rawatan. Langkah ini penting bagi mengubah persepsi dan kebiasaan warisan yang sudah berakar, dengan pendekatan berhikmah yang tidak memperlakukan budaya tetapi memimpinnya ke arah yang sahih.

Ketiga, institusi pengajian tinggi, khususnya dalam bidang pengajian Islam dan antropologi, disaran menjalankan lebih banyak kajian lapangan terhadap bentuk rawatan saka yang masih diamalkan hari ini, dan menghasilkan modul pemurnian berdasarkan maqāṣid al-shari‘ah. Akhir sekali, pengiktirafan dan pemerkasaan kepada perawat Islam bertauliah perlu dipertingkatkan agar mereka dapat memainkan peranan sebagai alternatif sahih dan kompeten dalam perubatan spiritual Islam, seterusnya membina kepercayaan masyarakat kepada pendekatan yang selari dengan aqidah dan syariah.

## Rujukan

- Abu Bakar Sedek. (2020). *Jin, Sihir & Ilmu Ghaib Dalam Masyarakat Melayu*. BS Print (M) Sdn Bhd.
- Ahmad, K., Ariffin, M. F. M., & Suliaman, I. (2014). Pusat rawatan alternatif Islam di Malaysia: Analisis terhadap latar belakang pengasas dan isu penggunaan jin dalam rawatan. *Jurnal Usuluddin*, 40, 71–98.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using Thematic Analysis in Psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3, 77-101.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Hasbullah, W. A. H., & Yusoff, W. F. W. (2012). Penyakit saka sebagai culture-bound syndrome dalam kalangan masyarakat Melayu Kelantan. *SOSIOHUMANIKA*, 5(1), 138–153.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2011). *Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam*. Putrajaya: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, Kementerian Kesihatan Malaysia. Retrieved from <https://hq.moh.gov.my/tcm/en/upload/garis panduan/amalan/GPPengubatanIslamSept2011.pdf>
- Khairuddin M., Ghazali I., Wan Z., Ratna L., S., (2016) *Kebudayaan Melayu*. SASBADI Sdn. Bhd.
- Kurniawan, A., Stevens, G., & Spadafora, L. (2022). Disease, illness, and sickness: The difficulty of classification. The example of saka in the Malay world. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4), e001441.
- Omar, M., Abdullah, M., Ahmad, A. R., Mat Amin, A. R., Shafei, S. A., Haron, S., ... Muhammad, Z. (2024). Factors affecting the effectiveness of ‘ruqyah’ treatment among Muslim community in Malaysia. *Journal of Spirituality in Mental Health*, 27(4), 1–17.
- Rosnani Ripin. (2016). *Amalan Urut Melayu Tradisional Patuh Syariah*. Dalam *Muzakarah Fiqh dan International Fiqh Conference*, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).
- Syed Mahadzir. (2023). *Membongkar Misteri Sihir, Santau & Saka dalam dunia Melayu*. HR Publishing